

Sekolah perniagaan perlu lahir peneraju ekonomi

CYBERJAYA: Sekolah perniagaan perlu fokus kepada agenda melahirkan pemimpin ekonomi masa depan, selain menjadi pemain utama dalam menangani masalah ekonomi semasa.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata tanggungjawab sekolah perniagaan di institusi pengajian tinggi (IPT) semakin besar terutama dalam keadaan ekonomi tidak menentu dan ini memerlukan mereka lebih giat

melaksanakan agenda pembangunan ilmu dan modal insan.

“Negara memerlukan pemimpin yang boleh membawa rakyatnya keluar daripada krisis kewangan global dan bukan hanya mampu membawa perubahan dalam negara tetapi juga kepada dunia.

“Kemajuan ilmu dan pembangunan insan adalah matlamat wajib, tetapi kedudukan istimewa sekolah perniagaan di antara cabang ilmu dan tindakan meletakkan



Negara memerlukan pemimpin yang boleh membawa rakyatnya keluar daripada krisis kewangan global dan bukan hanya mampu membawa perubahan dalam negara tetapi juga kepada dunia

Mohamed Khaled Nordin
Menteri Pengajian Tinggi

tanggungjawab itu semakin besar melebihi yang asas,” katanya ketika melancarkan Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan (GSM), Universiti Multimedia (MMU) di sini, semalam.

Turut hadir Presiden MMU, Prof Datuk Dr Muhammad Rasad Muhammad.

Mohamed Khaled berkata, sekolah perniagaan juga perlu memenuhi jangkauan orang ramai yang ingin mengetahui peranan serta tindakan mereka terutama da-

lam menghalang sebarang ancaman kepada pertumbuhan dan kebijakan ekonomi global.

Sementara itu, Mohamed Khaled berkata, beliau yakin GSM akan menjadi antara sekolah pengajian perniagaan yang cemerlang di negara ini, setanding Sekolah Pengajian Siswazah Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM).